

Myokimia berlaku akibat tekanan otot

SHAH ALAM - Myokimia bukan penyakit berbahaya dan lebih kepada gejala atau simptom yang melibatkan pergerakan atau pengecutan otot yang tidak boleh dikawal.

Pakar Neurologi Universiti Putra Malaysia, Profesor Hamidon Basri berkata, myokimia tidak



HAMIDON

mempunyai gejala spesifik tetapi boleh berlaku apabila wujud tekanan sama ada ke atas fizikal atau emosi seseorang individu.

Beliau berkata, apabila wujud tekanan ia cenderung menyebabkan pengecutan otot di bahagian otot kecil seperti mata, muka, tangan atau kaki.

“Kebiasaannya myokimia dikesan pada otot mata yang bergerak sendiri atau berkedip pada kadar frekuensi yang agak tinggi dan laju,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Katanya, contoh tekanan fizikal lain yang boleh membawa kepada myokimia seperti kekurangan air dalam badan, terlalu penat dan tidak cukup tidur.

“Ia pulih apabila punca tekanan itu hilang. Kebiasaannya pesakit akan dinasihatkan untuk minum air lebih banyak, rehat atau tidur secukupnya,” katanya sambil memberitahu penyakit itu juga tiada kaitan secara langsung dengan bahan kimia.

Hamidon berkata, dalam kes Irfan Wafiy Idham Wazir, 12, yang disahkan menghidap myokimia selepas terdedah pencemaran toksik dari Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, pada Mac lalu, beliau tidak dapat mengulas kerana tidak membuat pemeriksaan.

Beliau memberitahu, myokimia boleh berlaku akibat tekanan daripada penyakit lain.